

# PERANAN NGO ISLAM TERHADAP PERLAKSANAAN ISLAH DAN DAKWAH DALAM KALANGAN MASYARAKAT

Farahwahida Binti Mohd Yusof & Norshiela Binti Md Said  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengetahui kegiatan islah dan dakwah yang dijalankan kepada masyarakat Islam oleh ABIM Negeri Johor. Objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti peranan ABIM Negeri Johor serta kaedah yang digunakan terhadap pelaksanaan islah dan dakwah dalam kalangan masyarakat Islam khususnya masyarakat di negeri Johor. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan pelaksanaan islah dan dakwah yang dijalankan oleh ABIM Negeri Johor terhadap masyarakat. Di antara metodologi yang digunakan untuk mendapatkan data bagi kajian ini ialah Metode Penentuan Subjek, Metode Pengumpulan Data dan Metode Analisis Data. Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa ABIM Negeri Johor memainkan peranan yang sangat penting terhadap pelaksanaan islah dan dakwah dengan menyumbangkan pelbagai usaha agar dapat menyuburkan kembali sinar Islam yang kian dicemari oleh pelbagai isu keruntuhan akhlak dalam kalangan masyarakat. Kaedah pelaksanaan islah dan dakwah ABIM Negeri Johor direalisasikan secara berjamaah melalui pelbagai pendekatan berdasarkan keperluan semasa dan keadaan masyarakat setempat. Usaha-usaha ABIM Negeri Johor memberikan kesan yang memberangsangkan melalui penerimaan masyarakat secara positif terhadap aktiviti islah dan dakwah yang dijalankan. Namun, usaha-usaha tersebut hanya terkesan ke atas sebilangan masyarakat sahaja, masih terdapat masyarakat yang mengabaikan tanggungjawab mereka sebagai seorang Muslim. Di akhir kajian, beberapa cadangan turut dikemukakan kepada ABIM Negeri Johor bagi memantapkan lagi usaha-usaha islah dan dakwah yang dilaksanakan dalam kalangan masyarakat.

**Abstract:** This study is carried out with purpose identify the reformation and propasation activity conducted to the Muslim society by ABIM Johor. The objective of the research is to acknowledge the functions and methods used towards the implementation of reformation and propasation among Muslim society especially in Johor. Other than that, this study also aims at examining the effectiveness of the reformation and propasation implementation by ABIM Johor to the society. The methodology used for collecting data in this study are Subject Decision Method, Data Collection Method and Data Analysis Method. Overall, the findings of the study show that ABIM Johor plays a significant role in the implementation of reformation and propasation by supporting through numerous efforts to hourish the light of Islam which is spoilt by social problems. In fact, the implementation methods of the reformation and propasation by ABIM Johor is made possible together through various approqches based on the current needs and the local society situation. The efforts by ABIM Johor give great impacts through the positive acceptance by the society towards the reformation and propasation activity. Yet, these efforts only affect some community, while others still neglect their responsibilities as Muslims. At the end of the study there are also some recommendations to ABIM Johor as to strengthen the efforts of reformation and propasation carried out among the society.

*Katakunci:* ABIM, dakwah, islah, islam, NGO

## Pengenalan

Islah dan dakwah merupakan suatu keperluan asas bagi memacu kemajuan dan kesejahteraan umat Islam. Islah adalah suatu usaha untuk memperbaiki keadaan masyarakat Islam, sama ada dari aspek akidah, akhlak, muamalah, kemasyarakatan, perekonomian dan sebagainya (Ab. Aziz Mohd. Zin, 2005:1). Allah

S.W.T menjanjikan ganjaran pahala yang besar kepada hamba-Nya yang sentiasa memperbaiki keadaan hidup mereka ke arah yang lebih sempurna di samping mencari keredhaan-Nya di dunia dan akhirat.

Dakwah pula bermaksud menggesa manusia melakukan kebaikan serta menyuruh yang makruf dan mencegah yang mungkar agar mereka berjaya mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat (Syamsul Bahri, *et.al*, 2005: 45). Islah dan dakwah sentiasa bergerak seiring dengan perubahan semasa tetapi masih mengekalkan matlamatnya yang utama iaitu membimbing manusia mengagungkan Allah S.W.T dalam menyusun kehidupan yang lebih sempurna. Hal ini menunjukkan bahawa ajaran Islam sentiasa sesuai dengan peredaran masa dan tempat serta memberi ruang kepada manusia untuk memperbaiki prasarana yang dapat memudahkan kehidupan mereka. Kreativiti dan inovasi sangat digalakkan dalam Islam, tetapi ia mestilah tidak melanggar segala perintah dan larangan Allah S.W.T.

### **Pernyataan Masalah**

NGO Islam merupakan antara organisasi yang ditubuhkan untuk mengislahkan masyarakat ke arah membina kehidupan yang lebih baik berteraskan ajaran Islam yang suci. Selain itu, penubuhan badan dakwah tersebut bermatlamat untuk membentuk masyarakat yang sentiasa taat kepada perintah Allah dengan mengadakan seruan dakwah Islamiah kepada masyarakat Islam. Namun, reality kehidupan kini menunjukkan keadaan masyarakat di negara ini masih lagi bergelumbang dengan kemaksiatan dan keruntuhan modal insan sebagai seorang Muslim, bahkan fenomena ini semakin berleluasa dan sangat membimbangkan. Hanya segelintir sahaja masyarakat Islam di negara ini yang memegang teguh kepada ajaran Islam yang sebenar sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Quran dan al-Sunnah. Malah sebahagian masyarakat Islam lain masih jauh ketinggalan dan lalai dengan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w.

Walaupun badan-badan dakwah telah diwujudkan di seluruh negeri, tetapi masalah sosial dalam kalangan masyarakat Islam di negara ini semakin membimbangkan. Mereka sangat memerlukan tarbiah dan didikan agama secara berterusan dan bersistematik. Sebagai badan dakwah, NGO Islam perlu berperanan dalam mengatur aktiviti dan program secara berkala untuk menjadikan masyarakat memahami dan menghayati ajaran Islam yang suci serta memperbaiki kehidupan mereka ke arah kebaikan.

Melihat kepada permasalahan ini, penyelidik menjalankan kajian khusus ini terhadap NGO Islam iaitu Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor Darul Takzim untuk mengenalpasti peranan ABIM dalam menangani masalah yang melanda masyarakat Islam pada masa kini yang sangat memerlukan islah dan dakwah dari pelbagai aspek serta seruan mentaati perintah Allah S.W.T. Di samping itu, penyelidik juga mengkaji kaedah yang diaplikasikan oleh ABIM agar ianya sesuai dan dapat diterima oleh semua lapisan masyarakat serta keberkesannya dalam pembentukan masyarakat madani dan sejahtera.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengetahui kegiatan islah dan dakwah yang dijalankan kepada masyarakat Islam oleh pihak ABIM Negeri Johor. Antara objektif kajian yang ingin dicapai oleh penyelidik ialah:

1. Menenalpasti peranan ABIM Negeri Johor terhadap pelaksanaan islah dan dakwah dalam kalangan masyarakat.
2. Menenalpasti kaedah yang digunakan oleh ABIM Negeri Johor untuk melaksanakan islah dan dakwah dalam kalangan masyarakat.
3. Menenalpasti keberkesanan pelaksanaan islah dan dakwah yang dijalankan oleh ABIM Negeri Johor dalam kalangan masyarakat.

## **Kepentingan Kajian**

Kajian ini hanya tertumpu di dalam lingkungan badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) iaitu Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor Darul Takzim yang ditubuhkan khas untuk merancang dan menjalankan program-program dakwah di peringkat negeri dan daerah. Dengan itu, kajian ini diharap dapat dimanfaatkan oleh pihak ABIM sendiri, badan-badan NGO Islam yang lain, Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Persatuan-persatuan Islam sama ada di peringkat sekolah rendah dan menengah mahupun di peringkat universiti.

Kajian ini diharap dapat membantu pihak ABIM untuk meningkatkan kualiti pengurusan dan metodologi islah dan dakwah yang terdapat di dalam organisasi mereka. Segala kelemahan dan kekurangan dalam organisasi mereka perlu diperbaharui dan diperbaiki bagi mencapai matlamat utama penubuhan badan dakwah tersebut. Setiap ahli jawatankuasa ABIM juga perlu memainkan peranan masing-masing agar segala aktiviti yang dijalankan dapat memberi kesan yang mendalam dalam diri setiap ahli masyarakat Islam khususnya di negara ini.

Selain itu, kajian ini diharapkan dapat membantu badan-badan NGO Islam yang lain untuk merancang strategi dan teknik berdakwah yang efektif serta mencari hala tuju perjuangan mereka yang sebenarnya. Hal ini supaya segala tanggungjawab yang dilaksanakan itu akan mendapat manfaat dan pulangan yang baik sama ada di dunia mahupun di akhirat. NGO Islam yang lain seperti Jamaah Islah Malaysia (JIM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Jamaah Tabligh Malaysia dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) juga dapat memantapkan lagi pengurusan organisasi mereka untuk menyebarkan dakwah Islamiah secara berterusan.

Kajian ini juga bermanfaat kepada pihak pengurusan Jabatan Agama Islam Negeri Johor sebagai satu panduan untuk merancang serta melaksanakan program yang dapat menarik perhatian masyarakat. Walaupun Jabatan Agama Islam Negeri Johor merupakan badan dakwah kerajaan, tetapi ia perlu membina satu ikatan yang akrab dengan pihak NGO Islam agar dapat bekerjasama dan bersatu dalam menghadapi cabaran dakwah pada masa kini yang sememangnya memerlukan paduan tenaga pelbagai pihak.

Akhirnya, kajian ini diharap dapat membantu persatuan-persatuan Islam sama ada di peringkat sekolah rendah dan menengah atau di peringkat universiti dalam merangka program untuk membantu menyemarakkan lagi aktiviti islah dan dakwah dalam kalangan pelajar serta masyarakat secara amnya. Terdapat banyak program keagamaan yang boleh diwujudkan di institusi pengajian tersebut seperti mengadakan Kuiz Maal Hijrah, Musabaqah, Sambutan Awal Muharam, Ihya' Ramadhan, Maulid al-Rasul, Majlis Israk Mi'raj dan Qiyamullail. Didikan dan penerapan Islam sejak daripada peringkat sekolah dapat memberikan keuntungan yang besar kepada masyarakat Islam pada masa akan datang.

## **Skop Kajian**

Kajian ini tertumpu kepada Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor Darul Takzim mengenai peranan mereka dalam melaksanakan gerakan islah dan dakwah dalam kalangan masyarakat Islam di negara ini khususnya di Negeri Johor. Kajian ini juga menfokuskan kepada kaedah-kaedah yang digunakan oleh ABIM dalam menggerakkan aktiviti-aktiviti islah dan dakwah serta pendekatan yang di gunakan bagi mencapai objektif penubuhan NGO Islam tersebut dalam arena perubahan sosial masyarakat kini. Selain itu, kajian ini juga terbatas kepada keberkesanan atau penerimaan masyarakat terhadap program-program yang telah dijalankan serta pengaruhnya terhadap pembentukan akhlak mereka.

## **Metodologi**

### **Metode Penentuan Subjek**

Metode penentuan subjek ini bertujuan untuk menentukan halatuju sesebuah kajian yang dilakukan. Di dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan metode sampling dalam menentukan subjek penelitian. Metode ini bertujuan membolehkan seseorang penyelidik memilih satu kumpulan individu yang kecil bilangannya dan individu yang dipilih pula hendaklah mewakili keseluruhan penduduk yang lebih besar bilangannya (Marguerite G. Lodico, et.al, 2006: 143).

Di dalam kajian ini, penyelidik telah memilih ABIM Negeri Johor sebagai sampel kajian. Penyelidik memilih ABIM kerana ia merupakan satu badan NGO Islam yang telah lama ditubuhkan dan mempunyai struktur organisasi yang tersusun. Selain itu, ABIM juga merupakan antara NGO Islam yang banyak menyumbang ke arah penghayatan Islam di era 70-an sehingga sekarang berbanding dengan NGO Islam yang lain. Penyelidik merasakan sangat perlu kajian ini dijalankan setelah melihat kebejatan moral yang melanda masyarakat Islam pada hari ini yang semakin membimbangkan. Oleh itu, NGO Islam khususnya ABIM turut mempunyai peranan yang penting dalam membendung masalah ini.

### **Metode Analisis Data**

Setelah dikumpulkan semua data, penyelidik membuat pengolahan data serta menganalisisnya. Segala maklumat yang diperolehi ini dianalisis dengan teliti supaya bertepatan dengan tajuk kajian yang dijalankan. Setiap maklumat ditapis dan disesuaikan melalui bahagian-bahagian yang telah ditentukan oleh penyelidik. Dalam menganalisis data, penyelidik menggunakan metode yang bersesuaian dengan masalah yang diselidiki iaitu:

- i) Metode Induktif
- ii) Metode Deduktif

#### **1. Metode Induktif**

Metode Induktif merupakan suatu kaedah penarikan kesimpulan yang umum daripada pengetahuan yang diperolehi dalam pengalaman tentang hal-hal yang tersendiri. Kaedah ini juga disifatkan sebagai kaedah yang dapat membuktikan kebenaran (Sivachandralingam Sundara Raja, 2001: 6). Menurut Mohd. Majid Konting (2004: 13-14) kaedah induktif memberikan kesimpulan umum tentang populasi yang dikaji berasaskan kepada cerapan yang dibuat ke atas fakta-fakta yang diperolehi daripada sampel populasi kajian yang dilakukan. Hal ini bermaksud metode induktif ialah suatu kaedah penganalisaan data melalui proses penarikan kesimpulan dari hal-hal yang bersifat khusus kepada suatu kenyataan yang bersifat umum.

Oleh itu, melalui metode induktif, penyelidik membuat kesimpulan kajian berdasarkan sesuatu skop yang kecil kepada yang umum atau memaparkan data yang bersifat khusus dan kemudiannya membuat kesimpulan yang bersifat umum.

Penyelidik menggunakan metode ini untuk menghuraikan bab II dengan lebih terperinci. Di samping itu, penyelidik juga menggunakan kaedah induktif ini di dalam menganalisis dan membentangkan laporan penyelidikan, seterusnya membuat kesimpulan mengenai peranan ABIM dalam melaksanakan islah dan dakwah serta keberkesannya dalam kalangan masyarakat yang diperincikan dalam bab IV. Antara data yang dianalisis melalui metode ini ialah data daripada buku-buku rujukan dan data yang diperolehi daripada dokumen-dokumen.

## 2. Metode Deduktif

Metode deduktif ialah satu proses yang bermula dengan membuat pernyataan umum tentang sesuatu fenomena dan disusuli dengan pernyataan khusus tentang fenomena tersebut. Aturan-aturan tertentu digunakan untuk memperolehi pengetahuan daripada pernyataan umum kepada pernyataan khusus (Mohd. Majid Konting, 2004: 12). Kaedah deduktif juga merupakan proses yang bermula dengan membuat pernyataan umum dan kemudian mencari dalil atau bukti yang khusus untuk menyokong ataupun tidak disahkan mengenai pernyataan tersebut (Marguerite G. Lodico, et. al, 2006: 5). Daripada takrifan tersebut, dapat difahami bahawa metode deduktif adalah cara menganalisis data dan maklumat yang umum kepada yang lebih khusus. Oleh itu, penyelidik membuat kesimpulan kajian berdasarkan kepada skop yang umum atau luas kepada sesuatu yang lebih kecil.

Penyelidik menggunakan metode ini untuk menghuraikan bab I secara lengkap. Selain itu, penyelidik menggunakan kaedah ini dalam menganalisis pandangan responden tentang konsep islah dan dakwah secara umum, seterusnya mengkhususkannya kepada peranan ABIM terhadap pelaksanaan islah dan dakwah serta keberkesanannya dalam kalangan masyarakat.

### Perbincangan

Kajian ini telah membincangkan beberapa topik penting berkaitan sebuah NGO Islam iaitu ABIM Negeri Johor. Kajian ini tertumpu kepada peranan atau fungsi yang dijalankan oleh badan dakwah tersebut terhadap masyarakat dan kaedah-kaedah islah dan dakwah yang digunakan dalam mengajak masyarakat mengamalkan ajaran Islam yang sebenar. Selain itu, keberkesanan pelaksanaan islah dan dakwah yang dijalankan oleh ABIM Negeri Johor turut dikaji dan diperbincangkan. Beberapa perbincangan yang membawa kepada beberapa kesimpulan telah dapat dirumuskan sepertimana berikut.

Masyarakat Islam pada hari ini mengalami kebejatan moral yang sangat membimbangkan. Seheinggakan pada setiap hari pasti ada laporan media massa mengenai salah laku masyarakat seperti penyalahgunaan dadah, penagihan arak, kegiatan seks bebas, penderaan wanita dan kanak-kanak, rasuah, pembunuhan kejam dan banyak lagi. Lebih membimbangkan adalah keruntuhan akhlak dalam kalangan para belia dan remaja. Persoalan belia dan remaja di negara ini telah menjadi satu agenda nasional. Masyarakat memperhatikan permasalahan mereka dapat diselesaikan dengan segera. Belia dan remaja adalah tunggak kekuatan masa hadapan umat. Kebanyakan remaja kini semakin terpengaruh dengan budaya barat. Keghairahan mereka menghadiri konsert-konsert hiburan, minat dengan muzik sensasi, pemilihan jenis pakaian, hubungan bebas lelaki dan perempuan dan lain-lain kegiatan yang tidak bermoral, nyatalah bahawa sebahagian daripada mereka begitu kuat dipengaruhi oleh budaya *hedonisme*.

Permasalahan sosial dalam kalangan masyarakat Islam ini perlu ditangani dengan segera agar ia tidak terus mencemarkan ajaran agama Islam yang suci di sisi Allah S.W.T. Pelaksanaan islah dan dakwah harus disepadukan dengan pelbagai pendekatan agar masyarakat Islam kembali kepada ajaran Islam yang sebenar sebagaimana ajaran Rasulullah s.a.w. Tugas islah dan dakwah ini menjadi tanggungjawab setiap yang bergelar Muslim, bukan hanya harus dipikul oleh individu tertentu sahaja. Selaras dengan keperluan masyarakat terhadap islah dan dakwah pada masa kini, terdapat pelbagai pertubuhan dakwah telah diwujudkan dengan tujuan untuk memperbaiki keadaan masyarakat dan menyampaikan risalah Islam yang menekankan kepada kekuatan iman dan amal soleh.

Hasil daripada kajian, jelas menunjukkan bahawa ABIM Negeri Johor turut memberikan sumbangan dalam menyelesaikan masalah kebejatan moral dan keruntuhan akhlak yang berlaku dalam masyarakat Islam kini. Peranan ABIM Negeri Johor sangat penting agar masyarakat kembali kepada ajaran Islam yang sebenar sebagaimana ajaran yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. Selain itu, peranan ABIM Negeri Johor adalah sejajar dengan visi yang telah ditetapkan iaitu "Membina dan Memimpin Tamadun

Khayra Ummah”. Visi tersebut pula dilengkapi dengan misi yang menfokuskan kepada “Gerakan Islam Yang Komprehensif Untuk Merealisasikan Cita-cita Islamiah”. Walau bagaimanapun, peranan ABIM Negeri Johor ini tidak mempunyai batasan tertentu, bahkan ia memainkan peranan yang sangat meluas sama ada dalam bidang pendidikan, ekonomi, akhlak dan sebagainya. ABIM Negeri Johor turut menyediakan saluran untuk menarik golongan belia dan remaja Islam agar menerima intelektualisme berkonsepkan Islam.

ABIM Negeri Johor bukan hanya berperanan terhadap pembangunan para belia dan remaja sahaja, malah ia memainkan peranan yang sangat penting dalam membangunkan masyarakat Islam seluruhnya dengan mengembangkan ajaran Islam, menaikkan Islam serta menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam kehidupan seharian. Fokus utama ABIM Negeri Johor adalah meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai Islam melalui bidang pendidikan dan sentiasa perihatin terhadap kesusahan serta kesempitan hidup masyarakat terutamanya masyarakat di Negeri Johor.

Pergerakan islah dan dakwah ABIM Negeri Johor dalam kalangan masyarakat adalah berpandukan sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Angkatan Belia Islam Malaysia 1988. Namun pihak ABIM Negeri Johor menyesuaikan berdasarkan konteks semasa dan setempat kerana permasalahan yang berlaku dalam masyarakat di sesebuah negeri adalah berbeza dengan masyarakat di negeri yang lain. Setiap ahli ABIM Negeri Johor mempunyai peranan masing-masing dalam melaksanakan islah dan dakwah, tugas tersebut bukan hanya dipertanggungjawabkan ke atas Unit Dakwah semata-mata.

Kajian juga mendapati ABIM Negeri Johor munggunakan pelbagai kaedah dalam pelaksanaan islah dan dakwah yang dilakukan dalam kalangan masyarakat. ABIM Negeri Johor tidak mengerakkan islah dan dakwahnya sebagaimana yang digariskan oleh Perlembagaan ABIM secara seratus peratus, tetapi ia menyesuaikan kaedah-kaedah tersebut berdasarkan kepada keperluan semasa dan keadaan masyarakat setempat. ABIM Negeri Johor mengamalkan *dakwah bil hal* agar ia dapat mengenalpasti dan memahami masalah yang berlaku dalam masyarakat khususnya masyarakat Negeri Johor sendiri. Proses islah dan dakwah yang dijalankan oleh ABIM Negeri Johor bermula dengan menyelidiki terlebih dahulu strategi atau pendekatan dakwah yang perlu digunakan dan ia disesuaikan dengan kelompok sasaran seperti pendekatan kem motivasi, ceramah, kempen dan sebagainya.

Selain itu, ABIM Negeri Johor juga melaksanakan islah dan dakwahnya secara berjamaah. Setiap ahli mempunyai peranan masing-masing dan dilakukan secara bersatupadu dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan yang timbul dalam kalangan masyarakat. Kaedah dakwah secara berjamaah ini turut direalisasikan melalui kerjasama dengan badan-badan dakwah yang lain sama ada badan dakwah kerajaan dan bukan kerajaan seperti JIM, YADIM, Belia 4B dan lain-lain. Usaha menangani gejala sosial dalam kalangan remaja adalah dengan menggunakan dua kaedah utama iaitu kaedah pencegahan dan pemulihan yang dikhususkan lagi dengan pelbagai pendekatan yang lebih intensif.

Kaedah pelaksanaan islah dan dakwah ABIM Negeri Johor dalam kalangan masyarakat turut direalisasikan melalui pelbagai program dan aktiviti dakwah yang dapat memurnikan diri seseorang Muslim agar sentiasa patuh terhadap prinsip-prinsip Islam. Program dan aktiviti yang dilaksanakan adalah terbahagi kepada dua bahagian iaitu aktiviti formal dan aktiviti informal. Aktiviti formal yang dilaksanakan oleh ABIM Negeri Johor adalah menfokuskan kepada bidang pendidikan dan muamalah Islam serta aktiviti informal pula adalah berbentuk aktiviti secara dalaman dan aktiviti luaran.

Di samping itu, ABIM Negeri Johor juga menggunakan pendekatan ziarah atau lawatan sama ada dilaksanakan dalam kalangan ahli-ahli ABIM Negeri Johor sendiri, masyarakat dan badan-badan tertentu. Mereka turut merancang untuk mengadakan lawatan ke luar negara seperti Singapura dan Indonesia dengan tujuan untuk berkongsi idea mengenai penyelesaian kepada kejahatan moral yang melanda

masyarakat Islam kini. ABIM Negeri Johor juga memperkembangkan islah dan dakwahnya melalui internet dan media cetak seperti risalah, poster dan sebagainya.

Daripada pernyataan di atas, jelas menunjukkan bahawa ABIM Negeri Johor telah menyumbangkan pelbagai inisiatif dan pendekatan dalam melaksanakan islah dan dakwahnya bagi menyuburkan kembali sinar Islam yang semakin hari semakin tercemar dengan pelbagai isu keruntuhan moral dalam kalangan masyarakat Islam sendiri. Namun, usaha-usaha islah dan dakwah tersebut hanya terkesan ke atas sebilangan masyarakat sahaja, terdapat masih ramai lagi masyarakat yang mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang Muslim. ABIM Negeri Johor kadangkala tidak dapat menarik masyarakat untuk melibatkan diri dalam program yang dianjurkan, hal ini mungkin disebabkan oleh kelemahan ABIM Negeri Johor sendiri ataupun masyarakat kini sememangnya tidak berminat dengan aktiviti-aktiviti islah dan dakwah.

### **Rumusan**

Usaha yang berterusan sangat diperlukan agar dakwah yang disampaikan itu dapat mendatangkan kesan yang mendalam terhadap diri masyarakat. Walau bagaimanapun, segala usaha ABIM Negeri Johor kini menampakkan keberkesanannya melalui penerimaan masyarakat yang menerima islah dan dakwah yang dijalankan secara positif. ABIM Negeri Johor turut mengalami beberapa masalah dalam pergerakan islah dan dakwahnya yang mungkin serba-sedikit mempengaruhi keberkesanan perlaksanaannya seperti masalah kewangan dan kekurangan tenaga penggerak. Namun, usaha-usaha tersebut tetap diteruskan oleh pihak ABIM Negeri Johor dengan penuh keikhlasan kerana Allah S.W.T.

### **Rujukan**

- Ab. Aziz Mohd Zin (2005). *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Ghafar Don, Berhanudin Abdullah dan Zulkiple Abd. Ghani (2000). *Dakwah Dan Pengurusan Islam Di Malaysia: Konsep Dan Perlaksanaan*. Selangor: UKM.
- Abdul Halim bin Mat Diah (1987). *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Karim Zaidan (2002). *Islam dan Dakwah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Abdullah Muhammad Zin, Iran Herman dan Zainab Ismail (1999). *Pengetahuan, Sikap Penerimaan Masyarakat Terhadap Khidmat Dan Aktiviti Dakwah: Yayasan Islam Terengganu*. Selangor: UKM.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis Dan Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- 'Aidh Abdullah Al-Qarni (2007). *Petunjuk Berdakwah Dengan Berkesan*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Badlihisam Mohd Nasir (2008). *Wasiat Dakwah Syekh Abd. Aziz Bin Baz*. Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Che Yusoff Che Mamat dan Syamsul Bahri Andi Galigo (1997). *Dinamika Dakwah Dalam Masyarakat*. Selangor: UKM.